

# PENGARUH TATABAHASA EROPAH DALAM TATABAHASA BAHASA MELAYU AWAL

*Karim Harun*

## **Abstrak**

Penulisan tatabahasa bahasa Melayu yang bermula pada abad ke-17 dilakukan oleh orang Belanda. Tatabahasa bahasa Melayu pertama muncul dalam bentuk jadual yang ditulis oleh Frederick de Houtman (1603), diikuti oleh perbincangan beberapa aspek tatabahasa oleh Sebastian Danckaerts (1623), dan tatabahasa yang lengkap ditulis oleh Johannes Roman pada tahun 1653. Tatabahasa-tatabahasa ini ialah tatabahasa Melayu yang awal, dan juga antara tatabahasa terawal di dunia. Tatabahasa ini banyak dipengaruhi oleh tatabahasa bahasa Eropah, misalnya perbincangan tentang konjugasi, kelas kata, dan sebagainya. Justeru makalah ini akan membincangkan pengaruh tatabahasa bahasa Eropah terhadap tatabahasa bahasa Melayu ini dari perspektif sejarah linguistik. Perbincangan akan memberikan tumpuan terhadap pengaruh bahasa Latin dan bahasa Belanda dalam tatabahasa bahasa Melayu.

## **Abstract**

*The writing of Malay grammar began in the 17th century by the Dutchmen. The first Malay grammar appeared in the form of a table written by Frederick de Houtman (1603), followed by discussion of a few aspects of grammar by Sebastian Danckaerts (1623) and finally with a complete grammar, which was written in 1653 by Joannes Roman. These were the earliest grammars in Malay and also among the earliest in the world. These grammars were influenced much by European grammar, in term of conjugations, word classes, etc. In light of this influence, this paper attempts to discuss these grammars from the perspective of history of linguistics. The discussion will focus on the influence of Latin and Dutch in these grammars.*

## PENDAHULUAN

Tatabahasa bahasa Melayu awal ditulis oleh orang Eropah pada abad ke-17. Tatabahasa tersebut ditulis seabad selepas kedatangan orang Portugis dan tujuh tahun selepas kedatangan orang Belanda. Walaupun orang Portugis sudah lama bertapak di alam Melayu, mereka tidak menghasilkan tatabahasa bahasa Melayu. Hanya selepas kedatangan orang Belanda, barulah tatabahasa bahasa Melayu dihasilkan. Penulisan tatabahasa ini agak lewat jika diukur dengan kehadiran orang Eropah di Alam Melayu, namun kelewatan ini dapat difahami kerana penulisan tatabahasa merupakan satu tugas yang sukar yang memerlukan analisis dan juga motivasi, waktu dan kemahiran khusus. Kesukaran menghasilkan tatabahasa ini dapat dilihat berdasarkan penghasilan tatabahasa bahasa Melayu yang dihasilkan secara bertahap-tahap, bermula pada tahun 1603 dengan analisis konjugasi oleh Frederick de Houtman; kemudian, pada tahun 1623 muncul huraian ringkas tentang pembentukan kata dalam bahasa Melayu oleh Sebastian Danckaerts; dan akhirnya, pada tahun 1653 terhasillah tatabahasa bahasa Melayu yang sistematik yang dikarang oleh Roman. Dengan kata lain, perkembangan penulisan tatabahasa bahasa Melayu ini berlaku secara evolusi seperti lakaran Rajah 1.

De Houtman	1603	Konjugasi, Paradigma kata nama dan kata kerja
	↓	
Danckaerts	1623	Pengimbuhan, sintaksis
	↓	
Roman	1653	Sistem tulisan, huraian kelas kata (morfologi dan sintaksis)

**Rajah 1** Pembinaan ilmu: Tatabahasa bahasa Melayu abad ke-17.

Oleh sebab penulisan tatabahasa bahasa Melayu dihasilkan oleh orang Belanda, maka penulisan ini banyak dipengaruhi oleh perkembangan ilmu tatabahasa yang berlaku di Eropah. Dalam makalah ini, pengaruh tatabahasa bahasa Eropah, khususnya tatabahasa bahasa Latin dan bahasa Belanda terhadap ketiga-tiga tatabahasa bahasa Melayu awal, iaitu tatabahasa oleh Fredrick de Houtman (1603), Sebastian Danckaerts (1623) dan Johannes Roman (1674) akan dibincangkan. Perbincangan ini akan dilakukan berdasarkan pendekatan *climate of opinion*.

## Pendekatan *Climate of Opinion*

Pendekatan *climate of opinion* dicadangkan oleh Koerner (Koerner, 1975, 1978, 1995). *Climate of opinion* digunakan untuk membantu meneliti keadaan persekitaran intelektual sesuatu zaman yang diteliti dalam suatu persekitaran sosioekonomi, politik, dan budaya yang sama. Menurut Koerner, menganalisis sejarah linguistik persekitaran intelektual memainkan peranan penting.

*Climate of opinion* ialah sesuatu pandangan atau pendapat yang dikongsi bersama oleh para sarjana pada suatu waktu. Pendapat dan pandangan ini bukan sahaja berkaitan dengan ilmu linguistik tetapi juga meliputi aspek keintelektualan, dan kemajuan saintifik yang berlaku pada waktu itu (Koerner, 1978; Koerner dan Asher, 1995). Pendekatan *climate of opinion* juga mengambil kira konteks sosial semasa (Robin, 1967, 1993) dan teologi (Aarselff, 1967).

Konsep *climate of opinion* yang digunakan oleh Koerner ini diambil daripada Carl Becker (1932) secara berhati-hati; buktinya, Koerner (1978:27) menyatakan:

“... saya mencadangkan agar pentafsiran yang sempit tentang istilah yang diberikan oleh Kuhn hendaklah dikekalkan untuk menggambarkan ‘contoh pencapaian yang lepas’ (Kuhn, 1970:175) juga sebagai rujukan khusus yang diketengahkan oleh ahli teori dalam disiplin yang bukan sahaja akan membawa pandangan baharu tetapi satu pertimbangan semula untuk menghargai pandangan lepas secara umum. Pemahaman tentang istilah ‘paradigma’ ini akan menjadi lebih jelas apabila kita lawankannya dengan konsep *climate of opinion* oleh Becker sebagai menandakan pandangan epistemologi yang umum (Kuhn, 1970:119ff) sebagai contoh atau sejumlah kepercayaan, prekonsepsi, nilai-nilai dan sebagainya yang dikongsi oleh semua saintis dan sarjana dalam sesuatu waktu dalam suatu persekitaran sosioekonomi, politik dan budaya.”

Model *climate of opinion* Koerner ini dapat dilihat dalam bab “European Structuralism: Early Beginnings” (1975) yang membincangkan sejarah perkembangan aliran struktural. Dengan menggunakan *climate of opinion*, Koerner berjaya membuktikan bahawa persekitaran intelektual memainkan peranan penting dalam menganalisis sejarah linguistik. Misalnya dalam penggaluran sejarah aliran linguistik struktural, beliau mengaitkan semua tokoh linguistik yang pernah menggunakan perkataan *struktur*. Ferdinand de

Saussure misalnya pernah menggunakan perkataan *struktur* tetapi menurut Koerner, de Saussure tidak menggunakannya untuk merujuk kepada nahu, sebaliknya beliau menggunakan istilah *construction*. Sir William Jones (1786) juga pernah menggunakan perkataan struktur apabila membicarakan bahasa Sanskrit. Jones menyatakan bahawa bahasa Sanskrit mempunyai struktur yang menakjubkan (*wonderful structure*). Schlegel yang diangkat sebagai antara tokoh pemula dalam aliran struktural oleh Koerner juga dipercayai mengambil istilah struktur daripada Sir William Jones. Schlegel sering menyebut struktur dan fungsi organik dalam bukunya.


Dengan menggunakan *climate of opinion*, Koerner berjaya menunjukkan bahawa buku Schlegel merupakan hasil minatnya terhadap penelitian linguistik, sejarah, dan kajian perbandingan; dan juga minat terhadap aspek teori dan epistemologi. Sebagai contoh konsep organisma yang diperkenalkan oleh Schlegel. Berdasarkan *climate of opinion* pada waktu itu, Koerner membuktikan bahawa konsep organisma Schlegel merupakan pengaruh daripada hasil kerja ahli botani pada abad ke-18, khususnya Carl von Linne<sup>⇒</sup> (1707–78), Goethe (1790) dan juga hasil kerja ahli anatomi, iaitu Georges Cuvier yang pernah menjadi guru kepada Schlegel. Ahli-ahli linguistik lain pada waktu itu juga tidak terlepas daripada pengaruh ini, misalnya Bopp (1791–1867), Grimm (1785–1863), Rask (1787–1832) dan Wilhem von Humboldt (1767–1835). Mereka turut membincangkan konsep organisma dengan bantuan dari bidang lain. Dengan demikian, perbincangan tentang organisma merupakan hasil *climate of opinion* pada waktu itu kerana ia bukan sahaja dibincangkan dalam linguistik malah dalam biologi, botani, dan juga anatomi. Dapatan ini membuktikan bahawa *climate of opinion* berupaya memperlihatkan sesuatu perkembangan dalam disiplin linguistik, sama ada dipengaruhi oleh faktor-faktor di luar linguistik atau tidak; atau disiplin linguistik mempengaruhi disiplin lain.

Justeru, apabila meneliti perkembangan ilmu linguistik, kita perlu mengambil kira disiplin-disiplin ilmu lain yang terdapat pada waktu itu, termasuk persekitaran intelektual, sosial, dan agama. Ini disebabkan sesuatu idea yang muncul dalam disiplin linguistik bukan sahaja mempunyai kaitan dengan disiplin-disiplin lain, malah mempunyai kaitan dengan idea-idea pada zaman-zaman sebelumnya.

Pendekatan *climate of opinion* yang dicadangkan oleh Koerner merupakan perbincangan yang berfokuskan idea utama tokoh. Dengan menggunakan idea utama seorang tokoh sebagai asas perbincangan, beliau kemudiannya melihat bagaimana idea utama ini cuba disampaikan oleh tokoh tersebut dan kemudiannya dibahas. Dalam perbincangan idea ini, Koerner

KARIM HARUN

akan cuba mengaitkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada waktu itu, perkembangan intelektual dalam bidang ilmu lain daripada linguistik, perkembangan ilmu linguistik, dan latar belakang tokoh. Perbincangannya berkembang dengan mengaitkan ideanya dengan idea tokoh yang wujud pada zamannya atau selepasnya, dan perbincangan seterusnya akan terus mengikut kerangka tersebut. Model Koerner yang berasaskan *climate of opinion* boleh dipaparkan dalam Rajah 2 yang berikut:



**Rajah 2** Susur galur tokoh berdasarkan *climate of opinion* oleh Koerner.

Justeru, dalam makalah ini, perbincangan terhadap tatabahasa bahasa Melayu abad ke-17 akan memanfaatkan pendekatan ini.

### **Tatabahasa Frederick de Houtman (1603)**

Pemaparan aspek konjugasi dalam buku perbualan de Houtman (1603) merupakan tulisan awal yang berkaitan dengan tatabahasa bahasa Melayu. Gonda dalam tulisannya, *Over oude grammatika's en ouds in de*

*grammatika* (1936) yang membincangkan tatabahasa lama, dan unsur-unsur yang dianggap lapuk dan salah dalam tatabahasa lama menyatakan bahawa paparan konjugasi ini ialah satu percubaan menghasilkan tatabahasa bahasa Melayu. Bagi Gonda, percubaan ini dianggap gagal dan Gonda tidak mengiktirafnya sebagai tatabahasa. Menurut Gonda, usaha pertama menghasilkan tatabahasa bahasa Melayu dilakukan oleh Sebastian Danckaerts (1623). Gonda (1936:55) menyatakan, “Juga banyak yang telah dilakukan oleh de Houtman tentang bahasa Melayu, memang bukunya mempunyai kelanjutan, suatu usaha yang telah dilakukan dengan malu-malu, namun beberapa catatan tatabahasa yang terdiri daripada beberapa halaman hanya muncul pada tahun 1623 (*Wel deed deze de Houtman ook later veel voor het Maleisch, wel vond zijn boekje navolging, de eerste schuchtere poging, op enkele bladzijden eenige grammatikale opmerkingen over die taal te maken dateert echter pas van 1623.*)” Memang pemaparan konjugasi de Houtman tidak lengkap dan menyeluruh seperti tulisan tatabahasa Danckaerts, tetapi usaha yang dilakukan oleh de Houtman sebenarnya amat bermakna, jika dinilai berasaskan *climate of opinion* ketika tatabahasa tersebut dihasilkan.

Tujuan Frederick de Houtman menulis buku perbualan ini adalah untuk kegunaan orang asing, khususnya orang Belanda yang ingin mempelajari bahasa Melayu. Oleh sebab itu, beliau hanya menyenaraikan aspek konjugasi. Walaupun hanya aspek konjugasi yang disentuhnya, sumbangannya terhadap pembelajaran bahasa Melayu amat penting. Dengan melihat pemaparan konjugasi oleh de Houtman, orang-orang yang ingin mempelajari bahasa Melayu akan mendapat maklumat tentang bahasa Melayu yang tidak memperlihatkan sistem konjugasi seperti bahasa Belanda. Pemadanan kata kerja bahasa Belanda dengan bahasa Melayu seperti yang dilakukan oleh de Houtman juga dapat membantu orang yang ingin mempelajari bahasa Melayu. Mereka akan dapat membuat perbandingan, misalnya perbandingan kata kerja. Dalam bahasa Belanda, kata kerja berubah sesuai dengan kala dan pesona; tetapi dalam bahasa Melayu, perubahan kala dan pesona tidak membawa perubahan kepada kata kerja. Dengan memberikan padanan bahasa Belanda dan bahasa Melayu, orang asing yang belajar bahasa Melayu boleh memahaminya dengan lebih mudah.<sup>1</sup>

*Climate of opinion* yang meliputi faktor intelektual dan sosial (Koerner, 1975, 1978) memainkan peranan penting dalam perkembangan linguistik.

<sup>1</sup> Kaedah perbandingan ini merupakan kaedah yang biasa digunakan untuk mempelajari bahasa asing. Kaedah ini pernah digunakan untuk mengajar bahasa Latin kepada ‘orang-orang barbar’ pada abad pertama hingga abad keempat oleh orang Roman (Law, 2003:83).

Sejajar dengan kenyataan itu, dalam perkembangan tatabahasa bahasa Melayu, faktor *climate of opinion* pada masa tatabahasa dihasilkan turut memainkan peranan penting.

Frederick de Houtman membincangkan aspek konjugasi dalam bukunya atas sebab faktor *climate of opinion* pada waktu itu. Beliau dibesarkan pada era Renaissance. Dalam era tersebut, walaupun bahasa Latin terbatas penggunaannya kepada golongan tertentu, ia masih hidup subur kerana fakta sosiobudaya menunjukkan bahawa bahasa Latin merupakan bahasa kedua yang digunakan oleh semua intelektual di Eropah.<sup>2</sup> Bahasa Latin juga menjadi prasyarat untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat kecendekiawanan. Dengan kata lain, pada abad ke-15 hingga abad ke-17, pengaruh bahasa Latin masih kuat di Eropah. Di England, bahasa Latin masih digunakan sebagai panduan kepada bahasa Inggeris, dan tatabahasa bahasa Inggeris pun ditulis dalam bahasa Latin. Tatabahasa Ben Johnson (1640), misalnya merupakan tatabahasa yang berasaskan tatabahasa bahasa Latin yang ditulis oleh Ramus (1585); Shirley (1651) menjadikan bahasa Inggeris seperti bahasa Latin (Knowels, 1997:101-102).

Di Belanda, tatabahasa bahasa Latin yang ditulis oleh Despauterius yang berjudul *Latina grammatica*, pada awal abad ke-16 disenaraikan sebagai salah satu buku rujukan di Universiti Louvain, dan pada 1570, majlis gereja Katolik di Belanda Selatan (kini Belgium) mengarahkan agar buku ini dijadikan buku pelajaran di wilayahnya. Simon Verrepeaus (1522–1598) pula membuat versi Despauterius dengan judul *Grammatices Despauterianae Epitomes Novae* yang diterbitkan pada tahun 1577–1578. Buku ini menjadi buku klasik untuk pelajaran tatabahasa bahasa Latin di Belanda Selatan selama tiga abad sehingga tahun 1864 (Dibbets, 1992:41). Tatabahasa bahasa Latin yang ditulis oleh Cornelius Valerius yang pertama kali terbit di Paris, dan dicetak semula pada 1637 juga menjadi buku pelajaran di negeri Belanda. Tatabahasa bahasa Latin dicadangkan oleh lembaga Universiti Leiden sebagai buku pelajaran di sekolah rendah dan menengah yang menegakkan pelajaran bahasa Latin. Begitu juga dengan tatabahasa *Grammatica Latina* (1575) yang ditulis oleh Ludolfus Lithocomus telah menjadi buku wajib di sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Belanda daratan, dan kepulauan Friesland (Dibbets, 1992:42).

---

2 Di samping bahasa Latin, terdapat juga bahasa-bahasa lain yang berpengaruh di Eropah, iaitu Greek, dan Ibrani (van der Waal, 1995:93). Namun dalam dunia akademik, bahasa Latin digunakan.

*Climate of opinion* penulisan tatabahasa pada abad ke-15 hingga abad ke-17 juga memberi penekanan kepada aspek konjugasi. Penekanan ini merupakan pengaruh daripada faktor intelektual bahasa Latin. Suasana keintelektualan pada waktu itu memperlihatkan bahawa bahasa Latin ialah lingua franca, dan bahasa cendekiawan. Di Belanda, Erasmus, seorang ahli falsafah menulis sebuah buku berjudul *Moriae encomium* (1511) dalam bahasa Latin; di Poland, Copernicus menulis tentang astronomi, *De revolutionibus orbium coelestium* (1543) dalam bahasa Latin; di Itali, Galileo menulis *Siderus Nuncius* yang berkaitan dengan ilmu astronomi dalam bahasa Latin; dan Newton seorang sarjana England yang terkenal dengan teori gravitinya menulis tentang ilmu fizik dalam bahasa Latin dengan judul *Principia*. Dengan suasana keintelektualan tersebut, maka tidak hairanlah jika penulis tatabahasa pada waktu itu cuba memperlihatkan bahawa tatabahasa yang dihasilkan mereka, khususnya tatabahasa vernakular, mengikut rumus bahasa Latin, sejajar dengan wibawa bahasa Latin. Lebih-lebih lagi pada waktu itu terdapat tanggapan orang ramai yang menyamakan *grammatica* dengan bahasa Latin (Law, 2003:236). Dengan kata lain, tatabahasa bersinonim dengan bahasa Latin. Dengan itu, penulis tatabahasa akan sedaya upaya membuktikan bahawa tatabahasa yang dikarang mereka juga mempunyai rumus seperti tatabahasa bahasa Latin. Justeru, penulisan aspek konjugasi bahasa Melayu oleh de Houtman bukanlah usaha terpercil, tetapi sebenarnya merupakan hasil daripada *climate of opinion* pada waktu tersebut. De Houtman berjaya meletakkan tatabahasa bahasa Melayu dalam kerangka teori yang berwibawa pada masa itu.<sup>3</sup>

Penulisan aspek konjugasi turut terserlah dalam penulisan tatabahasa bahasa Belanda. Tatabahasa bahasa Belanda yang pertama hanya dihasilkan pada akhir abad ke-16 dengan judul *Twe-Spraack vande Nederduitsche Letterkunst* atau *Dialog tentang Tatabahasa Belanda* (1584), dan penulisan tatabahasa yang kedua, lahir 40 tahun kemudian (Dibbets, 1992: 42). Dengan kata lain, pada waktu tersebut, iaitu dari tahun 1584 hingga 1625, tidak ada

3 Pada tahun 1980-an, penulis tatabahasa bahasa Melayu menjelaskan tatabahasa Melayu dalam kerangka transformasi generatif. Walaupun pola dan rumus yang dikemukakan mereka tidak selalunya mencerminkan bahasa Melayu sebenarnya, namun, sekurang-kurangnya penulis tatabahasa bahasa Melayu berjaya meletakkan fakta bahasa Melayu dalam wacana tatabahasa antarabangsa pada ketika itu.



tatabahasa bahasa Belanda lain yang diterbitkan.<sup>4</sup> Tatabahasa *Twe-Spraack* tidak seperti buku pelajaran yang ditulis dalam bentuk dialog perbualan antara seorang guru dengan muridnya, tetapi dalam bentuk perbualan orang dewasa yang membincangkan tatabahasa bahasa Belanda.<sup>5</sup> Buku pelajaran Bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Frederick de Houtman (1603) juga menggunakan format dialog; Ruyll (1612) menggunakan dialog dalam bukunya *Spiegel vande Maleysche Tale*. Semua ini berpunca daripada format *catechism* (Tanya-Jawab Agama). Dalam *catechism* Katolik, tanya-jawab ini juga dilakukan dalam bentuk dialog, begitu juga dalam Protestan. Ruyll (1612), misalnya memuatkan dialog yang diambil daripada S. Aldegonde. Begitu juga dengan Danckaerts (1623) yang menterjemahkan *catechism* Heidelberg daripada bahasa Belanda kepada bahasa Melayu, dengan judul *Catechismus attau Adjaran derri Agama Christaon*. Menurut Dibbets (1992:43), penggunaan dialog dalam *Twe-Spraack* merupakan pengaruh daripada idea Desiderius Erasmus dalam *De recta Latini Graecique sermonis prountiatione dialogus* (1528).

Dalam *Twe-Spraack*, pengaruh Latin juga dapat dikesan melalui aspek konjugasi. Pembahagian kata kerja kepada lima konjugasi berasaskan keteraturan perubahan vokal dalam kata akar (Dibbets, 1992:53) merupakan pengaruh Latin. Hanya 20 tahun sesudah tatabahasa Belanda terbit, huraian tatabahasa De Houtman diterbitkan. Justeru, penulisan konjugasi dalam bahasa Melayu yang muncul selepas *Twe-Spraack* juga menampakkan pengaruh bahasa Latin.

Bentuk konjugasi yang dipaparkan dalam bentuk jadual oleh de Houtman (1603) merupakan lanjutan daripada satu konsep baharu yang diperkenalkan dalam pembelajaran bahasa Latin pada zaman pertengahan. Pada zaman pertengahan, pelajar-pelajar di universiti diwajibkan mendengar, membaca dan menelaah *Institutiones grammaticae* karya Priscian. Namun, mereka mendapati terlalu sukar untuk memahaminya. Para guru pada waktu itu mencuba sedaya upaya untuk memudahkan

4 Yang dimaksudkan di sini ialah tatabahasa bahasa Belanda yang dihasilkan di Belanda. Pada waktu ini, di luar Belanda terdapat satu tatabahasa bahasa Belanda yang diterbitkan, iaitu di London oleh Johan Radermacher (1568) berjudul *Voorreden vande noo-dich ende nutlicheit der Nederduytscher taelkunste* (Dibbets, 1992).

5 Dialog ini terdiri daripada perbualan dua orang sahabat, seorang guru sekolah bernama Gedeon bertemu sahabatnya Roemer di jalan Amsterdam. Dalam perbualan ini, Gedeon menjelaskan dengan terperinci pendapatnya tentang tatabahasa bahasa Belanda kepada sahabatnya (Dibbets, 1992 :43).

pembelajaran tersebut dengan memberikan glos, memasukkan penanda ke dalam teks Priscian untuk menunjukkan di mana sesuatu subjek baharu itu bermula dan kadang-kadang mereka menggunakan sistem nombor untuk menandakan bahagian-bahagian tertentu. Mereka juga menggunakan rajah pohon untuk memperlihatkan doktrin Priscian.

Penggunaan gambar rajah, rajah dan jadual memuncak pada abad ke-15. Kebanyakan karya yang dihasilkan di bahagian timur Eropah seperti di England, di timur Perancis, Belanda dan Jerman pada waktu itu dipenuhi dengan gambar rajah dan jadual (Law, 2003:182–185). Dalam pendahuluan buku tatabahasa *Exercitiim puerorum grammaticale* (Tatabahasa Praktis untuk Kanak-kanak) yang diterbitkan pada tahun 1485 menyatakan (dalam Law 2003:185):

“Dalam mengajar anak-anak kita teks ini tidak perlu dibaca dengan kuat kepada mereka dahulu, untuk kandungannya hendaklah dipersembahkan kepada mata secara jelas dan mudah. Guru, pengajar dan pembantu tidak perlu melakukan pembacaan kuat, memekik, melaung, tetapi boleh menugaskan sedikit sebanyak kepada pelajar bergantung pada keupayaan, tahap dan umur mereka, dan biarkan mereka membaca, membaca ulang, memparafrasa dan mengulang.”

Saranan yang dibuat dalam buku *Exercitiim puerorum grammaticale* ini nampaknya dituruti oleh de Houtman (1603). Jadual konjugasi de Houtman ini amat mirip kepada jadual konjugasi yang terdapat dalam buku-buku tatabahasa yang diterbitkan di Eropah pada abad ke-15.

### Tatabahasa Sebastian Danckaerts

Pengaruh Latin dalam tatabahasa bahasa Melayu yang sudah tampak dalam paradigma de Houtman semakin menyerlah apabila Danckaerts (1623) menulis tentang tatabahasa bahasa Melayu yang berjudul *Observationes aliquot hinc illinc decerptae ex Grammaticâ latinâ, utilissmae studiosis linguae Malaicae, insulis Iavâ Amboynâ, Moluccis, Bandâ & earundē circūvicinys usurpatae*. Daripada judulnya sahaja sudah dinyatakan bahawa tatabahasa ini diambil daripada tatabahasa bahasa Latin (*Decerptae ex Grammaticâ latinâ*). Dengan kata lain, penulis sudah menyatakan pengaruh Latin ini pada judulnya. Tatabahasa Danckaerts diterbitkan pada tahun 1623, iaitu dua tahun lebih awal daripada tatabahasa bahasa Belanda kedua yang terbit pada tahun 1625. Tatabahasa yang kedua berjudul *De Nederduytsche grammatica ofte spraekkonst*, karangan Christiaen van Heule (1625). Walaupun tatabahasa bahasa Belanda ini diterbitkan lebih

kemudian daripada tatabahasa Danckaerts (1623), pengaruh Latin terhadap tatabahasa ini masih kuat. Van Heule (1625) menghasilkan tatabahasa ini mengikut model tatabahasa sekolah Latin, terutamanya daripada hasil kerja Lithocomus dan Caucius (Dibbets, 1992:44) yang tersebut di atas.<sup>6</sup>

Dalam tatabahasa Danckaerts (1623), pengaruh Latin bukan sahaja dapat dilihat dalam judulnya, malah bahasa yang digunakan untuk menghuraikan aspek tatabahasa bahasa Melayu juga merupakan bahasa Latin. Dengan kata lain, tatabahasa bahasa Melayu tersebut ditulis dalam bahasa Latin. Penggunaan bahasa Latin dalam buku ini disebabkan oleh keluasan pengaruh bahasa tersebut. Memang bahasa Latin tidak digunakan dalam percakapan sehari-hari atau bahasa berkomunikasi di jalanan, tetapi bahasa ini menjadi *lingua academica* dalam dunia sarjana pada waktu itu (Dibbets, 1992). Dengan menggunakan bahasa Latin, sesuatu tulisan dapat dibaca oleh para sarjana, bukan sahaja di Belanda, malah di seluruh Eropah, seperti bahasa Inggeris pada waktu ini.<sup>7</sup> Dengan demikian, tulisan Danckaerts ini dapat dibaca oleh para sarjana di Eropah kerana tatabahasa itu ditulis dalam bahasa Latin.<sup>8</sup> Justeru, penulisan tatabahasa yang berpandukan tatabahasa bahasa Latin bukan hanya berlaku dalam hal pengkajian bahasa Melayu tetapi juga dalam pengkajian bahasa Belanda dan bahasa-bahasa lain di Eropah. Dengan demikian, pengaruh keintelektualan pada waktu itu memainkan peranan yang amat penting dalam penghasilan tatabahasa bahasa Melayu.

Pengaruh Latin dalam tatabahasa Danckaerts (1623) juga boleh dilihat dari segi kandungannya. Dalam tatabahasa tersebut, Danckaerts (1623) memulakan huraian dengan membincangkan aspek morfologi bahasa Melayu, khususnya aspek pengimbuhan. Di samping aspek morfologi, beliau juga membincangkan aspek kelas kata yang meliputi kata nama, kata adjektif dan kata kerja. Namun, Danckaerts (1623) hanya memberikan

---

6 Kita harus melihat tatabahasa Danckaerts tentang bahasa Melayu dalam konteks *climate of opinion* dua tatabahasa Belanda. Maksudnya, tatabahasa bahasa Melayu yang dipengaruhi tatabahasa bahasa Latin diapit oleh dua tatabahasa Belanda yang juga dipengaruhi oleh tatabahasa bahasa Latin. Kesenambungan wacana ilmiah sangat terserlah.

7 Misalnya, seperti dijelaskan Collins (1998 :27), buku de Houtman yang ditulis dalam bahasa Belanda sahaja diterjemahkan oleh orang Jerman Gotardus Arthusius dalam bahasa Latin dan kemudian diinggeriskan oleh Spalding (1614).

8 Kamusnya ditulis dalam bahasa Belanda dan bahasa Melayu, tetapi tatabahasanya dalam bahasa Latin.

tumpuan yang lebih pada kata nama, dan sangat sedikit huraian tentang kata kerja. Daripada kandungan ini juga, kita boleh melihat wujudnya bentuk tatabahasa bahasa Latin. Aspek yang dibicarakan dalam tatabahasa Danckaerts (1623) ini menyerupai kandungan yang terdapat dalam *Tatabahasa Bahasa Latin Akhir (Late Latin Grammar)*.

Tatabahasa Latin Akhir boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *schulgrammatik* (tatabahasa untuk murid sekolah) dan *regulae* [(tatabahasa rumus untuk para cendekiawan) (Law, 1986:365)]. Tatabahasa Danckaerts ini menyerupai tatabahasa jenis *regulae*. Padanan kata *regulae* dalam bahasa Greek ialah *kanones*. Maksud *regulae* dinyatakan oleh Law (2003:83): “Regula (*regulae* ialah bentuk jamak) membawa maksud “satu peraturan, perintah, model, standard, corak, paradigma”. Consentius (Law, 2003:83) pula menyatakan “regula meliputi sejumlah besar kata nama yang mengikuti corak yang sama dengan membuat generalisasi”. Tatabahasa jenis *regulae*, yang digunakan untuk perbandingan, mengandungi pelbagai paradigma dan senarai contoh. Liputan tentang kelas kata biasanya kurang sistematik dan kurang lengkap. Tatabahasa jenis ini juga mungkin hanya membincangkan satu jenis kelas kata sahaja, iaitu kata kerja atau dua kelas kata, iaitu kata kerja dan kata nama. Tatabahasa Danckaerts (1623) memang terdapat rumus dan huraian tentang kelas kata yang menepati ciri-ciri *regulae*. Dalam tatabahasa ini, huraian tentang proses pengimbuhan pada awal kata dan pada akhir kata mengikut rumus yang sesuai dengan bahasa Melayu, malah rumus ini juga menyamai rumus bahasa Melayu moden. Semasa menghuraikan kelas kata dalam bahasa Melayu, Danckaerts hanya membincangkan kata nama dengan menyeluruh, tetapi mengabaikan kelas kata yang lain. Perbincangan tatabahasa bahasa Melayu oleh Danckaerts yang mirip dengan *Tatabahasa Bahasa Latin Akhir* memperlihatkan bahawa pengaruh tatabahasa Latin yang luas hingga melewati ruang geografi Eropah.

### **Tatabahasa Joannes Roman**

Selepas 32 tahun tatabahasa Danckaerts diterbitkan, muncul pula tatabahasa bahasa Melayu yang lebih sistematik dan lengkap, iaitu *Kort Bericht vande Maleysche Letter-konst*. Tatabahasa ini selesai ditulis oleh Joannes Roman pada 1653 dan diterbitkan pada tahun 1655. Tatabahasa ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian panduan ejaan jawi dan bahagian tatabahasa yang kemudiannya diterbitkan dalam dua edisi. Dalam edisi tahun 1655, buku ini tidak mengandungi bahagian tatabahasa, sebaliknya hanya

mengandung bahagian panduan ejaan. Hanya edisi 1674 mengandungi kedua-dua bahagian (Collins, 1993). Tatabahasa bahasa Melayu yang terbit selepas Renaissance masih dipengaruhi bahasa Latin. Walaupun pada waktu ini, aspek keintelektualan di Eropah sudah mula mengarah kepada penggunaan bahasa vernakular berbanding bahasa Latin, rupanya bahasa Latin masih juga berperanan penting. Bahasa Latin masih menjadi *lingua franca* dalam kalangan sarjana di Eropah kerana masih belum ada bahasa lain yang mampu mengambil tempat bahasa Latin. Di samping keintelektualan Latin yang masih subur, terdapat juga *climate of opinion* yang berkaitan dengan bahasa universal. Pada abad ke-17, para sarjana di Eropah menyibukkan diri dengan mencari bahasa universal yang berasaskan falsafah yang mampu difahami oleh semua penutur. Antara sarjana tersebut ialah John Wilkins (1641) seorang sarjana di Royal Society, England.<sup>9</sup> Beliau melihat beberapa bahasa yang berpotensi dijadikan bahasa sejagat seperti bahasa Ibrani dan bahasa Melayu. Semua usaha ini bertujuan untuk mencari calon yang sesuai untuk menggantikan tempat bahasa Latin. Justeru, *climate of opinion* pada waktu tersebut turut mempengaruhi penghasilan tatabahasa Roman ini.

Dalam tatabahasa ini, Roman membahagikan kelas kata kepada tujuh, iaitu *namen* (kata nama), *voornamen* ‘pronomina’, *woorden* (kata kerja), *bywoorden* (adverba), *voorsettingen* (preposisi), *koppelingen* (konjungsi) dan *inwurpen* (interjeksi). Setiap kelas kata ini diberikan definisi dan contoh dalam bahasa Melayu, dan juga padanannya dalam bahasa Belanda. Walaupun Roman membincangkan ketujuh-tujuh kelas kata tersebut, namun perbincangan yang mendalam hanya bertumpu pada dua kelas kata sahaja iaitu *namen* (kata nama) dan *van-woorden* (kata kerja).

*Climate of opinion* di Eropah pada abad ke-16 dan ke-17 memang memperlihatkan penggunaan kerangka kelas kata dalam penulisan tatabahasa. Dengan kata lain, pada waktu itu, penulisan tatabahasa mesti membincangkan aspek kelas kata. Tatabahasa bahasa Belanda misalnya, *Twe-Spraack* (1584), *De Nederduytsche grammatica ofte spraeckonst* oleh van Heule (1625), *Ont-werp der Neder-duitsche letterkonst* oleh Kok (1649), dan *Aanmerkingen op de Neederduitsche taale* oleh Leupenius (1653), semuanya menggunakan kerangka kelas kata. Tatabahasa *Twe-Spraack* (1584) terutamanya, memperlihatkan pengaruh Latin dalam menjelaskan kelas kata bahasa Belanda. Dengan demikian, penggunaan

<sup>9</sup> Perbincangan Wilkins tentang bahasa Melayu dihuraikan dalam Karim (2005).

kerangka kelas kata dalam tatabahasa Roman adalah sejajar dengan *climate of opinion* pada waktu itu (Lihat Jadual 1).

**Jadual 1** Perbandingan kelas kata Roman dengan tatabahasa bahasa Belanda.

<b>Roman (1653/1689)</b>	<b><i>Twe-Spraack</i> (1584)</b>	<b>van Huele (1625)</b>	<b>Leupenius (1653)</b>
Kata nama	Kata kerja	Kata sandang	Kata nama
Pronomina	Kata nama	Kata nama	Kata kerja
Kata kerja	Kata sandang	Pronomina	Adverba
Adverba	Pronomina	Kata kerja	
Preposisi	Partisipel	Partisipel	
Konjungsi	Preposisi	Kata bantu	
Interjeksi	Adverba		
	Interjeksi		
	Konjungsi		

Pengaruh Latin dalam bahasa di Eropah dapat dilihat daripada penggunaan kasus. Tatabahasa bahasa Belanda *Twe-Spraack*, misalnya turut membicarakan kasus. Pengaruh kasus dalam tatabahasa Roman berlaku secara tidak langsung daripada tatabahasa bahasa Latin kerana pengaruh ini adalah daripada tatabahasa bahasa Belanda *Twe-Spraack*. Dalam tatabahasa ini, Roman menyenaraikan enam kasus dalam bahasa Melayu, iaitu *nomer* (nominatif), *barer* (genitif), *gever* (datif), *aenklager* (akusatif), *roeper* (vokatif) dan *ofnemer* (ablatif). Beliau juga menyatakan bahawa kasus-kasus ini sama seperti yang terdapat dalam bahasa Belanda. Untuk bahasa Belanda, *Twe-Spraack* juga menyenaraikan enam kasus yang diambil daripada bahasa Latin. Ini dinyatakan dalam *Twe-Spraack* (Gonda, 1936) bahawa “*De Latijnen hebender zes, die wy in dezen volghen zullen, om daar deur tot grondlyker Naspuering der eighenschappen onses taal te komen* (Bahasa Latin memiliki enam kasus, yang kami ikuti agar mendapat jalan ke penelusuran yang lebih mendalam tentang ciri-ciri khas daripada bahasa kita).” Gonda yang menelusuri kasus Roman membuktikan bahawa kasus Roman diambil daripada *Twe-Spraack*. Antara bukti yang diberikan oleh Gonda ialah contoh-contoh Roman dalam bahasa Melayu yang mirip kepada contoh bahasa Belanda yang terdapat dalam *Twe-Spraack*.

Manakala *Twe-Spraack* pula berkemungkinan mengambil kasus daripada *Exercitium puerorum grammaticale* yang diterbitkan pada tahun 1485.<sup>10</sup> Keenam-enam kasus ini turut diterapkan oleh Roman ke dalam bahasa Melayu. Dengan demikian, perbincangan Roman mengenai kasus dalam bahasa Melayu menyamai kasus yang terdapat dalam bahasa Latin dan bahasa Belanda.

Roman juga membincangkan pronomina sebagai salah satu kelas kata dalam bahasa Melayu. Perbincangan pronomina sebagai satu kelas kata yang tersendiri bukanlah satu perbincangan yang terpencil, kerana perbincangannya turut dilakukan dalam bahasa-bahasa lain di dunia pada waktu itu. Dengan kata lain, *climate of opinion* pada waktu itu memang membincangkan pronomina, malah orang Belanda yang menulis tatabahasa bahasa Melayu 200 tahun kemudian seperti J.J. de Hollander (1893), D. Gerth van Wijk (1909), dan C. Spat (1910) juga masih membicarakan pronomina sebagai satu kelas kata dalam bahasa Melayu. Dalam konteks pronomina persona bahasa Melayu, *climate of opinion* yang berlaku di Eropah banyak mempengaruhinya. *Climate of opinion* yang mempengaruhi penulisan pronomina Melayu ialah *climate of opinion* yang meliputi aspek intelektual. Aspek intelektual pula menjurus kepada perkembangan ilmu linguistik itu sendiri.

Pada abad ke-17, penulisan tatabahasa, khususnya tatabahasa vernakular amat berkembang di Eropah. Penulisan tatabahasa pada waktu itu menggunakan kerangka kelas kata yang diwarisi daripada tatabahasa bahasa Latin. Dalam penulisan tatabahasa di Eropah, aspek yang dipentingkan ialah pembahagian kelas kata dan juga penyusunan kelas kata. Dalam aspek pembahagian kelas kata, yang menjadi persoalan ialah kelas kata manakah yang perlu diletakkan di dalam tatabahasa, dan kedudukan kelas kata, iaitu apakah kelas kata pertama, kedua dan sebagainya. Dalam penyusunan kelas kata, tatabahasa pada abad ke-17 meletakkan kelas kata pronomina selepas kelas kata nomina. Nomina dan pronomina ini pula akan didahului oleh kata sandang. Kadangkala kata sandang juga diletakkan di antara nomina dan pronomina. Misalnya van Huele (1625) dalam tatabahasanya *De Nederduytsche grammatica ofte spraeckonst* meletakkan kata sandang sebagai kelas kata pertama diikuti oleh nomina dan pronomina. Dalam tatabahasa Roman, kedudukan pronomina dalam

---

<sup>10</sup> Gonda (1936) membincangkan susur galur kasus Roman yang dikaitkan dengan *Twe-Spraack* (abad ke-16), *Exercitium puerorum grammaticale* (abad ke-15), Priscian (abad ke-6) dan Donatus (abad ke-4), orang Romawi, Stoic dan Aristotles.

susunan kelas kata pronomina juga adalah selepas nomina. Namun, dalam tatabahasa Roman, tidak ada kata sandang yang mendahului pronomina kerana beliau tidak memasukkan kata sandang sebagai salah satu kelas kata dalam bahasa Melayu. Justeru, penulisan tatabahasa Melayu oleh Roman yang juga membahagikan pronomina sebagai satu kelas kata adalah pengaruh *climate of opinion* pada waktu itu.

## PENUTUP

Tatabahasa bahasa Melayu yang dihasilkan oleh orang Belanda pada abad ke-17 ini merupakan tatabahasa bahasa Melayu awal, malah juga antara yang terawal di dunia. Tatabahasa ini banyak dipengaruhi oleh tatabahasa yang dihasilkan di Eropah, khususnya tatabahasa bahasa Latin dan tatabahasa bahasa Belanda. Pengaruh Eropah yang terdapat dalam tatabahasa bahasa Melayu ini disebabkan oleh faktor *climate of opinion* pada waktu tersebut yang meliputi sikap intelektual. Sesungguhnya, sikap intelektual yang berlaku di Eropah telah mempengaruhi penulisan tatabahasa bahasa Melayu. Walaupun dipisahkan oleh ribuan batu, perkembangan intelektual di Eropah masih mempengaruhi perkembangan penulisan tatabahasa bahasa Melayu. Di samping itu, empirisisme juga merupakan sebahagian daripada *climate of opinion* pada waktu itu. Melalui empirisisme, orang Eropah memperoleh ilmu pengetahuan melalui pencerapan dan eksperimen yang dikenal sebagai sains. Perkembangan bahasa juga sejajar dengan perkembangan sains, malah ahli linguistik pada waktu itu juga merupakan ahli sains. Dengan sikap empirisisme inilah orang Eropah mengkonseptualisasikan bahasa Melayu yang ditemui mereka.

## RUJUKAN

- Aarsleff, H., 1967. *The Study of Language in England 1780–1860*. Princeton: Princeton University Press.
- Dibbets, Geert. R.W., “Dutch Philology in the 16th and 17th Century” dlm. Noordegraff J., Versteegh, K., dan Koerner, K. (ed.), 1992. *The History of Linguistics in the Low Countries*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Gonda, J., “Over oude grammatika’s en ouds in de grammatika” dlm. *Indische Gids*, 59:2, hlm. 867 – 875, 1936.
- Houtman, Frederick, 1603. *Spraeck ende word-boeck, inde Malaysche ende Madagaskarsche Talen met vele Arabische ende Tursche woorden: Inhoudende twaalf tsamensprekinghen inde maleysche ende drie inde*



KARIM HARUN

- Madagaskarsche spraken met alderhande woorden ende namen ghestelt naer ordre vanden A.B.C. alles in Nederduytsch verduyts.* Amsterdam: Jan evertsz. Cloppenburch Boeckvercoper op 't Water inden groten Bijbel.
- Karim Harun, 2005. "Bahasa Melayu bukan Bahasa Universal". Kertas Seminar Antarabangsa linguistik Melayu, FSSK: 29-30 Ogos 2005.
- Karim Harun, "Aspek Konjugasi dalam Buku Perbualan de Houtman (1603)" dlm. *Jurnal Pengajian Melayu* 17, hlm. 362-382, 2006.
- Karim Harun, "History of Malay in the 17th Century: Malay Grammar Written in the 17th Century" dlm. Chong Sin, Karim Harun dan Yabit Alas, 2007. *Reflections in Southeast Asian Seas*. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Koerner E.F.K., 1975. "European Structuralism: Early Beginnings" dlm. T. Sebeok (ed.), 1975. *Current Trends in Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins B.V.
- Koerner. E.F.K., 1978. *Toward a Historiography of Linguistics*. Amsterdam : John Benjamins B.V.
- Koerner dan Asher (peny.), 1995. *Concise History of the Language Sciences: From the Sumerian to the cognitivists*. Oxford: Pergamon, Elsevier.
- Law, V., 2003. *The History of Linguistics in Europe: From Plato to 1600*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Robin R.H., 1967. *A Short History of Linguistics*. Essex: Longman.
- Robin R.H., 1993. *Sejarah Ringkas Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roman Joannes, 1689. *Grondt ofte kort bericht van de Maleysche tale, vervat in twee deelen; het eerste handelende van de letters ende haren aenhangh het andere, van de deelen eener Redene*. Amsterdam: Paulus Mattysz.
- Rowe, John Howland, "Sixteenth and Seventeenth Century Grammars" dlm. D. Hymes (Peny.), 1974. *Studies in the History of Linguistics: Traditions and Paradigms*. Bloomington: Indiana University Press.
- Wheelock F.M., 1963. *Latin: An Introductory Course Based on Ancient Authors. Third Edition*. New York: Barnes and Noble Books.
- Wiltens Caspar dan Danckaerts S., 1623. *Vocabularium, ofte Vvoort-boeck, naer ordre vanden Alphabet in 't Duytsch-Maleysch, ende Maleysch-Duystch*. 'S Graven-haghe: de Wedue, ende Erfghenamen van Wijlen Hillebrant Ja-